

Perubahan iklim celarukan ekosistem hidupan di laut

BH 16/10/2022 MS: 25

Perubahan cuaca melampau dari semasa ke semasa disifatkan memberi kesan secara tidak langsung ke atas mekanisme gema lokasi mamalia marin seperti ikan paus.

Disebabkan itu, apabila berlaku peristiwa yang dicetuskan oleh perubahan iklim seperti ombak tinggi atau angin berkelajuan tinggi di tengah laut, ekosistem semula jadi haiwan ini juga terganggu.

Walaupun ikan paus biasanya menjauhkan diri dari garis pantai ketika kejadian sedemikian, ia menyebabkan mekanisme gema lokasi di dalamnya tidak berfungsi, menyebabkan haiwan itu terkeliru bahawa garis pantai adalah sebahagian daripada wilayahnya.

Berikutan keclaruan itu, kumpulan haiwan itu bergerak menuju pantai dan terdampar sendiri, seperti tragedi di Tasmania baru-baru ini, yang mana lebih 200 ikan paus terdampar dan hampir mati.

Lebih 50 kakitangan Jabatan Sumber Asli dan Alam Sekitar Tasmania, sukarelawan dan kakitangan syarikat akuakultur tempatan mengapungkan semula dan melepaskan 32 paus yang terdampar itu ke perairan dalam di luar Pelabuhan Macquarie pada 22 September lalu.

“Dua daripada 32 ikan paus terkandung semula dan pasukan berkenaan dapat menggunakan teknik sama untuk melepaskannya semula ke perairan laut dalam dan dalam kebanyakan kes, tidak banyak yang boleh dilakukan manusia untuk haiwan yang beratnya melebihi satu tan, inilah antara kekangan logistik,” menurut kenyataan jabatan itu.

Saintis Marin di Universiti Griffith di Brisbane, Australia, Olaf Meynecke, berkata perubahan iklim yang melanda dunia boleh memainkan peranan dalam peristiwa menyayat hati berikutan fizikal paus berada dalam keadaan terjejas kerana perubahan dalam ketersediaan makanan.

“Kita mendokumentasikan perubahan ketara dalam persekitaran marin (sama seperti di darat) yang mana di lautan, asas makanan (plankton)

jauh lebih banyak (cecair) berbanding di darat (tumbuhan umumnya tidak beralih lokasi dalam skala masa yang singkat).

“Berikutan itu, makanan mungkin hilang dari tempat asal paus itu akibat perubahan iklim dan ia mungkin mencari sumber makanan baharu hingga membawa mereka lebih dekat dengan pulau atau daratan. Kedua-duanya iaitu ikan paus ‘pilot’ dan paus sperma adalah spesies luar pesisir yang memburu di pinggir terumbu karang atau jurang yang dalam,” kata Meynecke.

Suhu air laut meningkat

Sementara itu, Ahli Ekologi Sungai dan Marin British, yang juga pakar ikan lumba-lumba Indus, Gill Braulik, berkata kejadian ikan paus dan ikan

lumba-lumba terdampar berlaku selama beribu-ribu tahun dan banyak sebabnya.

Katanya, kejadian terdampar boleh berlaku apabila haiwan menjadi keliru di kawasan kompleks yang cetek, apabila sakit, melarikan diri daripada pemangsa, akibat keracunan daripada pencemaran atau bunga alga.

“Sekiranya kerap terdampar pula, ia dikaitkan dengan aktiviti manusia, terutama kematian dalam jaring ikan dan kadang-kadang disebabkan oleh sonar tentera laut. Perubahan iklim boleh menyebabkan spesies mengalihkan penghijrahan ke kawasan baharu tetapi tidak mungkin menyebabkannya terkandas,” katanya.


Bagi Pakar Ekologi dan Mamalia Marin yang berpangkalan di Gujarat, India, Dipani Sutaria menjelaskan, suhu laut yang meningkat menyebabkan pelbagai perubahan di laut.

“Jadi, secara tidak langsung, perubahan iklim sudah tentu akan memainkan peranan dalam keadaan kecergasan dan kesihatan mereka dan boleh menyebabkan kebuluran atau pergerakan ke perairan yang kaya dengan nutrien. Bagaimanapun, kita tidak boleh secara langsung mengatakan bahawa kematian paus yang terkandas adalah disebabkan oleh perubahan iklim,” katanya.

Sutaria berkata, ikan paus sudah berkembang selama beribu-ribu tahun dan haiwan terbabit menggunakan isyarat yang berbeza ketika navigasi.

Malah, menurut pakar ikan paus terdampar di Universiti Massey New Zealand, Karen Stockin, kejadian seumpamanya sudah mula disaksikan pada zaman ahli falsafah Yunani, Aristotle, namun peristiwa yang berlaku di Tasmania baru-baru ini ini tidak memberi isyarat yang khusus diketahui, sebaliknya kejadian ini seolah-olah berlaku di seluruh dunia antaranya India, di Bengal Barat, Tamil Nadu dan Kepulauan Andaman dan Nicobar. AGENSI

Secara tidak langsung, perubahan iklim sudah tentu akan memainkan peranan dalam keadaan kecergasan dan kesihatan mereka dan boleh menyebabkan kebuluran atau pergerakan ke perairan yang kaya dengan nutrien



Ikan paus yang terdampar ditemukan di pantai barat Kepulauan Chatham New Zealand, baru-baru ini (Foto AFP)